

# Buletin

e-ISSN: 2600-8289

Ramadhan - Syawal 1444/ April 2023

# ACIS



**IDULFITRI:**  
**Polemik antara**  
**IBADAT** atau  
**ADAT**

**Sunah-sunah Hari Raya 5**

**Puasa Enam: Puasa Selepas Ramadan 7**

**Kaifah pelaksanaan sembahyang Hari Raya Aidil Fitri menurut syarak 8**

**Sambutan Hari Raya ACIS, UHEI & Alumni Negeri Sembilan 10**

eISSN 2600-8289



# Idulfitri: Polemik antara Ibadat dan Adat



Oleh:

**Dr. Mohd. Kamel bin Mat Salleh**

Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Seremban

Hari Raya Idulfitri biasanya disambut dalam suasana penuh keriang dan kesyukuran. Tidak salah untuk bergembira, tetapi yang perlu diambil perhatian ialah hari raya adalah peluang untuk terus beramal kebajikan menambah pahala dan bukan terlalu bergembira sehingga mengeneppikan nilai ibadah di sebalik sambutan 1 Syawal.

Dalam menyambut Idulfitri, terdapat ramai dalam kalangan masyarakat Islam yang masih keliru status amalan yang dilakukan dan diulang-ulang saban tahun di setiap kali hari raya adakah perbuatannya itu satu ibadah yang mendatangkan pahala ataupun ianya sekadar adat yang diwarisi secara turun temurun dari generasi terdahulu.

## 1. Baju raya

Memakai pakaian paling cantik dan yang terbaik adalah satu tuntutan syarak serta amat digalakkan oleh Rasulullah SAW. Ia akan menjadi ibadah jika niat si pemakai memakainya untuk menjunjung panduan yang diberikan oleh Rasulullah. Baginda sendiri memakai pakaian yang terbaik dan yang paling cantik, malah baginda sendiri menyarankan kepada para sahabatnya supaya berpakaian cantik sepertimana yang telah disebut oleh cucu baginda Saidina Hassan "

*di pagi raya supaya memakai pakaian yang paling baik yang kami miliki dan berwangian dengan wangian yang paling baik yang kami miliki".*

Di hari raya, Nabi SAW memakai pakaiannya yang paling cantik. Baginda mempunyai pakaian khas yang biasanya dipakai di dua hari raya (Idulfitri dan Iduladha) dan hari Jumaat.

Namun perbuatan ini akan menjadi adat sahaja jika si pemakai membeli pakaian baru hanya sekadar mengikut trend atau budaya orang lain yang turut memakai baju baru. Perkara yang dituntut adalah yang paling cantik dan setiap yang cantik itu tidak semestinya baru. Paling dibimbangi jika membeli pakaian baru itu dalam keadaan membazir dan berlebih-lebihan sedangkan pakaian yang sedia ada masih elok dan boleh digunakan lagi.

## 2. Makan sedikit sebelum keluar mengerjakan solat sunat Idulfitri

Termasuk dalam sunnah baginda ialah menjamah sedikit makanan sebelum keluar bersolat sunat hari raya dan makanan pilihan baginda ialah tamar. Saidina Anas bin Malik pernah menyebut "*adalah Nabi SAW tidak akan keluar untuk solat Idulfitri sehinggalah baginda memakan buah tamar terlebih dahulu dengan bilangan yang ganjil (3 atau 5 atau 7 biji)"*

Perbuatan makan di pagi Idulfitri adalah pernyataan daripada baginda bahawa diharamkan berpuasa pada hari tersebut. Mesej daripada bersegera makan dan bersolat sunat hari raya adalah untuk mengelakkan pemikiran orang-orang Islam daripada memikirkan tentang puasa kerana pada hari tersebut adalah satu perayaan kegembiraan setelah sebulan menahan makan dan minum.

Sesiapa yang berpuasa di hari tersebut dianggap sebagai menolak pelawaan dan pemberian Allah SWT kepada hambaNya kerana orang-orang Islam adalah tetamu Allah SWT di hari yang penuh kemuliaan itu.

Para ulama Islam telah berijma' haramnya berpuasa di hari pertama Idulfitri sama ada puasa wajib seperti nazar apatah lagi untuk berpuasa sunat ataupun puasa untuk membayar kaffarah. Imam al-Syafie ada menyebut bahawa batal atau tidak dikira puasa jika seseorang itu bernazar untuk berpuasa pada hari tersebut. Larangan berpuasa pada hari ini disebut secara jelas oleh Rasulullah SAW melalui riwayat daripada Abu Said al-Khudri yang menyatakan bahawa Rasulullah menegah daripada berpuasa di dua hari iaitu di Idulfitri dan Iduladha. Justeru itu apabila seseorang terus keluar tanpa menjamah sedikit makanan, maka dia telah meninggalkan satu sunnah amalan Rasulullah SAW.

## 3. Membayar zakat fitrah

Membayar zakat fitrah hukumnya adalah wajib dan sesiapa yang meninggalkan amalan ini adalah berdosa. Ia mesti ditunaikan sebelum mengerjakan solat sunat Idulfitri. Kelewatan membayarnya akan mengakibatkan ia tidak dikira sebagai zakat dan hanya dianggap sebagai sedekah. Ibn Abbas ada menyebut maksudnya "*zakat fitrah itu adalah untuk mensucikan orang yang berpuasa daripada lagha (perkara yang tidak berfaedah), perkara keji dan sebagai pemberian makanan kepada orang-orang miskin. Sesiapa yang menunaikannya sebelum solat Idulfitri, itu adalah zakat yang diterima di sisi Allah dan sesiapa yang menunaikannya selepas solat, maka ia dianggap sebagai satu sedekah".*

Ada sesetengah umat Islam yang sengaja melambat-lambatkan bayaran zakat atas alasan masih awal atau sengaja menunggu di saat-saat akhir, namun apa yang dibimbangi sekiranya terluput daripada waktu yang sepatutnya.

## 4. Solat Sunat Idulfitri

Solat sunat Idulfitri adalah sunat muakkad yang amat dituntut oleh baginda supaya dilaksanakan oleh orang-orang Islam. Ia disyariatkan oleh Allah pada tahun pertama hijrah. Ia digalakkan kepada pelbagai peringkat umur dan lapisan umat Islam meliputi kaum lelaki, perempuan, kanak-kanak, tua, muda, gadis mahupun janda.

Rasulullah SAW sendiri keluar rumah untuk bersolat bersama-sama isteri baginda. Disunatkan juga keluar rumah ke tempat sembahyang melalui jalan lain dan pulang ke rumah dengan jalan lain. Ini telah dinyatakan oleh seorang sahabat bernama Jabir bahawa begitulah keadaan baginda setiap kali pergi dan balik daripada menunaikan solat hari raya. Terdapat anggota masyarakat yang meringan-ringankan amalan ini atas alasan ianya sekadar amalan sunat. Ada pula yang terlalu memberatkannya sedangkan solat fardu lain tidak diambil berat malah tidak pun diamalkan.

### 5. Takbir Raya

Seperkara yang penting untuk dikaitkan dengan Idulfitri ialah amalan bertakbir. Ia mula dilaungkan selepas jelas terlihatnya anak bulan Syawal dan berakhir apabila hendak ditunaikan solat sunat Idulfitri. Galakan bertakbir disebut secara jelas di dalam al-Quran yang bermaksud "*hendaklah kamu mencukupi bilangan puasa dan bertakbirlah (mengagungkan dan membesarkan) Allah atas petunjuknya yang diberikan kepada mu, semoga kamu bersyukur*" (surah al-Baqarah ayat 185).

Bertakbir dianggap amat penting sebagai satu syiar agama bagi menahirkan perasaan gembira dan syukur kepada Allah di atas kemenangan melawan hawa nafsu mazmumah sepanjang Ramadan. Ia juga dianggap sebagai lambang penyatuan umat Islam seluruh dunia kerana laungan takbir tetap sama walau di mana pun seseorang itu berada, semuanya membesarkan Allah. Inilah lambang kekuatan ummah yang ingin dijelmakan melalui falsafah dan roh takbir hari raya.

### 6. Bersalam-Salaman dan Bermaaf-Maafan

Menjadi tradisi dalam masyarakat Melayu amalan bersalam-salaman dan bermaaf-maafan antara satu sama lain. Dalam hal ini, tiada salahnya jika ia diamalkan dalam bulan Syawal Sesungguhnya memohon kemaafan adalah lambang seorang manusia berhati mulia dan sanggup merendahkan egonya memohon kemaafan atas kesalahan yang pernah dilakukan, manakala golongan yang memberi kemaafan adalah termasuk dalam jenis manusia yang bertakwa dan akan mendapat keampunan TuhanNya. Hal ini dijelaskan dalam al-Quran yang bermaksud "*dan bersegeralah kamu kepada (mengerjakan amal-amal yang baik untuk mendapat) keampunan dari Tuhan kamu, dan (mendapat) syurga yang bidangnya seluas segala langit dan bumi, yang disediakan bagi orang-orang yang bertakwa. Iaitu orang-orang yang mendermakan hartanya pada masa senang dan susah, dan orang-orang yang menahan kemarahannya, dan orang-orang yang memaafkan kesalahan orang, dan ingatlah, Allah mengasihi orang-orang yang berbuat perkara-perkara yang baik*" (Surah Ali Imran ayat 133-134).

Adapun amalan bersalam-salaman juga adalah satu sifat mulia sepertimana yang dijelaskan oleh Rasulullah SAW dalam sebuah hadith daripada al-Barra' bin Azib, sabda Rasulullah SAW yang bermaksud "*tidaklah 2 orang Islam bertemu saling bersalaman dan berjabat tangan melainkan diampunkan dosa mereka sebelum mereka berpisah*". Namun amalan ini perlu ada batasnya dan perlu menjaga adab-adab Islam seperti tidak bersalaman dengan golongan yang bukan mahram dan sebagainya.

### 7. Menziarahi Kubur

Berhubung amalan menziarahi kubur, perlulah difahami bahawa perbuatan ini tidak wajar dikhususkan sewaktu hari raya Idulfitri sahaja, kerana jika dikhususkan pada hari tersebut dibimbangi amalan tersebut tidak menjadi ibadah, bahkan menjadi adat sahaja, walaupun jika benar caranya ia boleh dikira sebagai satu ibadah. Semoga hadith yang dinyatakan selepas ini menjadi pedoman tentang kepentingan amalan menziarahi kubur ini. Daripada Buraidah al-Husaib al-Aslami r.a berkata, bahawa Rasulullah SAW telah bersabda "*aku pernah melarang kamu menziarahi kubur, maka kini ziarahilah ia*". Imam at-Tirmizi menambah "*kerana ziarah kubur itu mengingatkan kepada hari akhirat*".

### 8. Sedekah Duit Raya

Berlaku juga dalam masyarakat amalan memberi duit raya kepada kanak-kanak, adakah ini suatu adat atau ibadah? Ia akan menjadi ibadah jika niat si pemberi adalah untuk tujuan berdedekah dan menggembirakan hati mereka yang menerima. Terdapat banyak ayat-ayat al-Quran memberi galakan supaya sentiasa bersedekah. Antara sandaran ayat al-Quran dalam menyatakan bahawa bersedekah itu satu amalan mulia ialah firman Allah SWT "*sedekah mu, maka itu adalah baik sekali dan jika kamu menyembunyikannya dan kamu berikan kepada orang-orang fakir, maka menyembunyikannya itu adalah lebih baik bagimu*." (Surah al-Baqarah ayat 271).

FirmanNya lagi "*dan janganlah kamu membelanjakan sesuatu melainkan kerana mencari keredaan Allah. Apa sahaja harta yang baik yang kamu nafkahkan, nescaya akan diberi pahala yang cukup sedang kamu tidak sedikit pun akan dianiaya (dirugikan)*." (Surah al-Baqarah ayat 272).

Manakala dalam surah al-Ahzab ayat 35 Allah SWT akan memberi keampunan dan pahala yang amat besar kepada mereka yang bersedekah sama ada lelaki mahupun perempuan dan itulah sebenarnya sifat orang yang beriman. Sehubungan dengan ini perlulah difahami dalam erti kata yang sebenar apakah tuntutan syarak dalam menyambut Idulfitri. Sesungguhnya tidak salah bergembira tetapi biarlah dalam suasana yang penuh kesederhanaan dan bertepatan dengan hukum hakam Islam.

Justeru, amat penting kepada umat Islam untuk memahami pelaksanaan hari raya ini bukan sekadar menghidupkan adat tradisi semata-mata, tetapi adalah kesinambungan beramal soleh dan mengejar pahala.